

## PENTING/PENAFIAN

**INI IALAH PRODUK AKAUN PELABURAN YANG TERIKAT DENGAN PRESTASI ASET-ASET PENDASAR DAN BUKAN PRODUK DEPOSIT.**

### HELAIAN PEDEDAHAN PRODUK ([Versi Bahasa Inggeris](#))

Sila baca dan fahami Helaian Pendedahan Produk (PDS) ini sebelum anda membuat permohonan dan memutuskan untuk menerima Akaun HLB Meezani-i. Pastikan anda turut membaca Terma dan Syarat Akaun HLB Meezani-i.

Sila hubungi Hong Leong Islamic Bank ("Bank") untuk sebarang penjelasan, sekiranya perlu.

**NAMA PRODUK:**  
**AKAUN HLB MEEZANI-i**

*Mulai dari 29 Julai 2025*

## MAKLUMAT RINGKAS PRODUK

### 1. Apakah produk ini?

<b>Kontrak Syariah yang Berkenaan</b>	<ul style="list-style-type: none"><li>Akaun HLB Meezani-i ialah akaun pelaburan harian berdasarkan kontrak perkongsian keuntungan, yang dikenali sebagai kontrak Mudarabah. Di bawah kontrak Mudarabah, keuntungan akan dikongsi antara Pelanggan, yang juga dikenali sebagai Pemegang Akaun Pelaburan ("IAH") sebagai Penyedia Modal (Rabbul Mal) dan Hong Leong Islamic Bank Berhad ("Bank") sebagai Usahawan (Mudarib) mengikut Nisbah Perkongsian Keuntungan ("PSR") yang dipersetujui bersama. Kerugian kewangan akan ditanggung sepenuhnya oleh IAH dengan syarat kerugian tersebut bukan disebabkan oleh salah laku, kecuaian, atau pelanggaran terma yang ditetapkan oleh Bank.</li><li>Akaun HLB Meezani-i memberi peluang kepada IAH untuk memperoleh ganjaran secara berkala, berdasarkan <i>Hibah</i>. <i>Hibah</i> merujuk kepada pemindahan pemilikan aset daripada seorang penderma kepada penerima tanpa sebarang balasan.</li></ul>
<b>Jenis Produk</b>	Produk ini diklasifikasikan sebagai Akaun Pelaburan Tidak Terhad (UA). UA merujuk kepada jenis akaun pelaburan di mana IAH membenarkan Bank untuk membuat keputusan pelaburan yang muktamad tanpa menetapkan sebarang sekatan dan/atau syarat.
<b>Pihak yang Terlibat</b>	Pihak-pihak yang terlibat ialah IAH (iaitu, penyedia modal) dan Bank (iaitu, Usahawan). Bank, bertindak sebagai pengurus dana, akan melabur demi kepentingan IAH. Di bawah produk ini, IAH tidak akan terlibat dalam aktiviti pelaburan.

## KESESUAIAN PRODUK

### 2. Siapakah yang sesuai dengan produk ini?

<b>Jenis Pelanggan</b>	Individu (Pemastautin)
<b>Objektif Pelaburan</b>	Bertujuan untuk menjana pulangan yang stabil dan konsisten melalui aktiviti pelaburan yang berisiko rendah.
<b>Risiko Pelaburan</b>	Ini ialah produk akaun pelaburan yang terikat dengan prestasi asset-asset pendasar dan modal serta pulangan adalah tidak dijamin.
<b>Tempoh Pegangan Pelaburan</b>	Tiada.

**CIRI-CIRI UTAMA PRODUK**
**3. Apakah yang saya laburkan?**

<b>Strategi Pelaburan</b>	Dana tersebut akan dilaburkan dalam pemilihan aset pembiayaan patuh Syariah berkualiti tinggi dalam HLISB.																								
<b>Jumlah Pelaburan</b>	Amaun Pelaburan Permulaan Minimum	Ringgit Malaysia Seratus (RM100)																							
	Baki Minimum	Ringgit Malaysia Lima Puluh (RM50)																							
<b>Tempoh Pelaburan</b>	Produk ini tiada tempoh tempoh matang. Ia mempunyai ciri-ciri operasi yang sama dengan akaun semasa/simpanan di mana pelanggan boleh membuat deposit dan pengeluaran dana pada bila-bila masa melalui kaunter, Mesin Juruwang Automatik ("ATM"), Mesin Deposit Tunai ("CDM") dan perbankan internet.																								
<b>Perlindungan PIDM</b>	Produk ini <b>TIDAK</b> dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM).																								
<b>Kadar Keuntungan Indikatif</b>	Akan diumumkan dan diterbitkan dalam laman web pada setiap bulan.																								
<b>Nisbah Perkongsian Keuntungan (PSR)</b>	Sebarang keuntungan yang diperoleh daripada Akaun HLB Meezani-i akan dikongsi antara IAH dan Bank mengikut PSR yang telah dipersetujui bersama seperti yang dinyatakan di laman web Bank di <a href="http://www.hlisb.com.my">www.hlisb.com.my</a>																								
<b>Kaedah Pembayaran Keuntungan &amp; Kekerapan</b>	Pembayaran keuntungan dikira secara harian dan dikreditkan ke dalam Akaun HLB Meezani-i IAH pada setiap hujung bulan berdasarkan PSR yang telah dipersetujui.																								
<b>Contoh Pengiraan Keuntungan</b>	Contoh Pengiraan Keuntungan harian (Untuk tujuan illustrasi sahaja): <table border="1" style="width: 100%; border-collapse: collapse;"> <tr> <td style="padding: 5px;">Tarikh Pelaburan</td> <td style="padding: 5px;">01/01/2025</td> <td style="padding: 5px;">Nisbah Perkongsian Keuntungan</td> <td style="padding: 5px;">IAH:Bank 2:98</td> </tr> <tr> <td style="padding: 5px;">Amaun Pelaburan</td> <td style="padding: 5px;">RM10,000</td> <td style="padding: 5px;">Kadar Keuntungan Indikatif</td> <td style="padding: 5px;">0.05% p.a. (Selepas PSR)</td> </tr> <tr> <td style="padding: 5px;">Tarikh Pengeluaran</td> <td style="padding: 5px;">25/01/2025</td> <td style="padding: 5px;">Tarikh Bayaran Kentungan</td> <td style="padding: 5px;">01/02/2025</td> </tr> <tr> <td style="padding: 5px;">Jumlah Pengeluaran</td> <td style="padding: 5px;">RM3,000</td> <td></td> <td></td> </tr> </table> Pengiraan Keuntungan: Amaun Pelaburan Harian X Kadar Keuntungan Indikatif X Bilangan Hari/365 <table border="1" style="width: 100%; border-collapse: collapse; margin-top: 10px;"> <tr> <td style="padding: 5px;">Pengiraan: Hari Pertama sehingga Ke-24</td> <td style="padding: 5px; text-align: right;"><math>= 10,000 \times 0.05\% \times 24/365</math> = 0.33</td> </tr> <tr> <td style="padding: 5px;">Pengiraan: Hari Ke-25 sehingga Ke-31</td> <td style="padding: 5px; text-align: right;"><math>= 7,000 \times 0.05\% \times 7/365</math> = 0.07</td> </tr> <tr> <td style="padding: 5px;">Keuntungan Dibayar kepada Pelanggan</td> <td style="padding: 5px; text-align: right;"><math>= RM 0.40</math></td> </tr> </table>			Tarikh Pelaburan	01/01/2025	Nisbah Perkongsian Keuntungan	IAH:Bank 2:98	Amaun Pelaburan	RM10,000	Kadar Keuntungan Indikatif	0.05% p.a. (Selepas PSR)	Tarikh Pengeluaran	25/01/2025	Tarikh Bayaran Kentungan	01/02/2025	Jumlah Pengeluaran	RM3,000			Pengiraan: Hari Pertama sehingga Ke-24	$= 10,000 \times 0.05\% \times 24/365$ = 0.33	Pengiraan: Hari Ke-25 sehingga Ke-31	$= 7,000 \times 0.05\% \times 7/365$ = 0.07	Keuntungan Dibayar kepada Pelanggan	$= RM 0.40$
Tarikh Pelaburan	01/01/2025	Nisbah Perkongsian Keuntungan	IAH:Bank 2:98																						
Amaun Pelaburan	RM10,000	Kadar Keuntungan Indikatif	0.05% p.a. (Selepas PSR)																						
Tarikh Pengeluaran	25/01/2025	Tarikh Bayaran Kentungan	01/02/2025																						
Jumlah Pengeluaran	RM3,000																								
Pengiraan: Hari Pertama sehingga Ke-24	$= 10,000 \times 0.05\% \times 24/365$ = 0.33																								
Pengiraan: Hari Ke-25 sehingga Ke-31	$= 7,000 \times 0.05\% \times 7/365$ = 0.07																								
Keuntungan Dibayar kepada Pelanggan	$= RM 0.40$																								

**4. Apakah hasil yang mungkin diperoleh daripada pelaburan saya?**

1. Pulangan IAH bergantung kepada prestasi aset pelaburan pendasar dan berdasarkan PSR.
2. Prinsipal and pulangan Akaun HLB Meezani-i **TIDAK** dijamin sekiranya aset pendasar mengalami kerugian atau tidak mencapai prestasi seperti yang dijangkakan

Prestasi Dana Terdahulu

Tidak tersedia pada waktu permulaan.

Kemungkinan keuntungan atau kerugian pada masa hadapan

**Simulasi Pasaran Terbaik**

Tarikh	OPR	Kadar Pulangan
Mar 2019	3.25% p.a.	0.05% p.a.

**Simulasi Pasaran Terburuk**

Tarikh	OPR	Kadar Pulangan
Mar 2022	1.75% p.a.	0.04% p.a.

(Untuk tujuan illustrasi sahaja)

- Senario Pasaran Terbaik dan Terburuk adalah berdasarkan data 10 tahun lepas daripada paras OPR tertinggi (Mac 2019) dan terendah (Mac 2022) BNM, yang diandaikan memberi kesan langsung kepada pulangan melalui pemindahan penuh kenaikan/penurunan OPR kepada pulangan portfolio, dengan mengandaikan semua faktor lain kekal sama.

**RISIKO UTAMA**

**5. Apakah risiko utama yang berkaitan dengan produk ini?**

<b>(a) Risiko Kehilangan Modal</b>	Produk ini berisiko kehilangan jumlah pelaburan asal (modal) secara penuh. Bagi mengawal risiko ini, pihak Bank akan melaburkan dana dalam pelbagai portfolio aset pembiayaan Bank yang berisiko rendah. Pihak Bank juga akan menggunakan teknik pengurusan pelaburan yang baik. Pihak Bank akan melaksanakan pengimbangan semula portfolio untuk memastikan aset-aset yang tidak lagi menepati strategi dan objektif dana akan diimbangi semula. Pengimbangan semula portfolio merupakan proses penyemakan pecahan kelas aset dalam portfolio untuk mengekalkan tahap risiko pelaburan yang diingini.
<b>(b) Risiko Pasaran</b>	Risiko pasaran ialah risiko IAH berkemungkinan untuk mengalami kerugian berpunca daripada faktor-faktor yang menjelaskan pasaran kewangan secara menyeluruh. Hal ini mungkin akan mempengaruhi prestasi aset-aset pendasar utama secara langsung maupun tidak langsung. Pihak Bank akan memantau dan menguruskan pendedahan risiko pasaran menggunakan sistem pengurusan risiko yang sedia ada. Hal ini membolehkan pihak Bank untuk mengurus kedudukan dana dengan efektif dalam lingkungan rangka kerja risiko yang telah diluluskan.
<b>(c) Risiko Kecairan</b>	Risiko kecairan ialah risiko pihak Bank tidak dapat memenuhi permintaan pengeluaran jangka pendek daripada IAH. Berdasarkan rekod aktiviti pengeluaran IAH yang terdahulu, pihak Bank akan menjalankan ujian tekanan dan menubuhkan kawalan bagi menguruskan risiko kecairan. Ujian tekanan ('stress testing') ialah teknik yang digunakan untuk menguji keupayaan sesuatu pelaburan untuk menghadapi pelbagai situasi kewangan pada masa hadapan. Sebarang ketidakpadanan jumlah aliran wang masuk dan jumlah aliran wang keluar daripada portfolio akan dianalisis dan dipantau di bawah peruntukan rangka kerja kecairan yang disyorkan oleh BNM. Kerugian yang berpotensi untuk dialami bagi IAH disebabkan risiko kecairan adalah kemungkinan mendapat pulangan yang lebih rendah dan kemungkinan kerugian modal.
<b>(d) Risiko Kredit</b>	Risiko ini mungkin timbul apabila sebahagian besar daripada jumlah aset dana mengalami kegagalan pembiayaan. Hal ini akan diuruskan oleh pihak Bank melalui pemilihan pelbagai portfolio aset yang layak dengan teliti dan pemantauan rapi prestasi aset-aset yang terpilih untuk memastikan pelaburan mematuhi strategi dan objektif dana.
<b>(e) Risiko Keputusan Pelaburan</b>	Risiko ini terjadi sekiranya pergerakan pasaran tidak sejajar dengan peruntukan aset-aset yang dilaburkan. Oleh itu, pemilihan secara teliti dan pengurusan pentadbiran yang ketat akan dilaksanakan oleh pihak Bank dalam proses mencapai keputusan pelaburan.

(f) Risiko Tidak Patuh Pengawalseliaan	Risiko sekatan undang-undang atau peraturan, kerugian kewangan, atau kerosakan reputasi yang mungkin ditanggung oleh Bank akibat kegalannya mematuhi undang-undang, peraturan, kaedah, piawaian, dan kod tatalaku yang terpakai kepada penawaran produk tersebut.
(g) Risiko Tidak Patuh Syariah	Risiko ini berlaku apabila Bank gagal untuk mematuhi peraturan dan prinsip Syariah sebagaimana yang telah ditetapkan oleh Jawatankuasa Syariah Bank atau pihak berkuasa yang berkenaan. Pihak Bank akan memantau, dengan bimbingan Jawatankuasa Syariah Bank untuk memastikan pelaburan mematuhi peraturan dan prinsip Syariah.
(h) Risiko Negara	Kestabilan politik dan ekonomi negara mungkin mempengaruhi pertumbuhan dan prestasi aset pelaburan.
(i) Risiko Industri / Sektor	Setiap industri/sektor terdedah kepada pelbagai elemen risiko. Oleh itu, kepelbagaian dan pemilihan sesuatu industri/sektor adalah penting bagi Bank dalam menguruskan risiko-risiko tersebut.
<b>'Anda dinasihatkan untuk mempertimbangkan dengan teliti semua faktor risiko sebelum membuat keputusan pelaburan'</b>	

## FI DAN CAJ

### 6. Apakah fi dan caj yang terlibat?

Untuk senarai penuh caj & fi, sila layari laman sesawang kami di [www.hlisb.com.my/akaunpelaburan-i](http://www.hlisb.com.my/akaunpelaburan-i) atau imbas di sini:



## PENILAIAN

### 7. Apakah strategi penilaian digunakan, kekerapan dan di manakah diterbitkan?

- Pihak Bank akan membuat penilaian ke atas Dana aset pendasar mengikut amalan industri yang baik dan selaras dengan Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia ("MFRS") yang terpakai yang akan dijalankan setiap bulan.
- Laporan prestasi dana akan disediakan setiap suku tahun di laman sesawang Bank di [www.hlisb.com.my](http://www.hlisb.com.my)

## MAKLUMAT HUBUNGAN

### 8. Apakah yang perlu saya lakukan jika terdapat perubahan pada butiran perhubungan saya?

Adalah penting untuk anda memaklumkan kepada Bank sebarang perubahan maklumat perhubungan anda sesegera mungkin untuk memastikan segala komunikasi daripada Bank sampai kepada anda tepat pada masanya. Anda boleh mengemaskini butiran hubungan dengan menghubungi Bank di +603-7626 8899 atau meghadiri mana-mana cawangan kami seluruh negara. Untuk Pelanggan 'Hong Leong Online', sila log masuk ke dalam Perbankan Internet 'Hong Leong Connect Online banking' dan pilih "Tetapan" diikuti oleh "Kemaskini Maklumat Perhubungan".

**9. Siapakah yang patut saya hubungi untuk maklumat lanjut atau membuat aduan?**

1. Untuk sebarang pertanyaan, anda boleh hubungi kami di:  
Pusat Panggilan: 03-7626 8899      E-mel: [HLOnline@hlbb.hongleong.com.my](mailto:HLOnline@hlbb.hongleong.com.my)
2. Untuk membuat aduan tentang produk atau perkhidmatan yang ditawarkan, anda boleh hubungi kami di :  
Customer Advocacy  
Level 13A Floor, Menara Hong Leong, No 6, Jalan Damanlela, Bukit Damansara, 50490 Kuala Lumpur.  
Telefon: 03-7626 8821 / 03-7626 8802 / 03-7626 8812      E-mel: [customerservice@hlbb.hongleong.com.my](mailto:customerservice@hlbb.hongleong.com.my)
3. Jika anda tidak berpuas hati dengan cara penyelesaian pihak Bank terhadap pertanyaan dan aduan anda, anda boleh menghubungi Bank Negara Malaysia LINK atau BNMLINK di 4<sup>th</sup> floor, Podium Bangunan AICB, No 10, Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur.  
Telefon: 1-300-88-5465 or 03-2174 1717 (panggilan luar negara)   Fax: 0-32174 1515   Borang di Laman Sesawang: [bnmlink.bnm.gov.my](http://bnmlink.bnm.gov.my)

**PERINGATAN**

**PULANGAN DARIPADA AKAUN PELABURANINI DIPENGARUHI OLEH PRESTASI ASET PENDASAR. MODAL DAN PULANGAN TIDAK DIJAMIN DAN PEMEGANG AKAUN MENGHADAPI RISIKO TIDAK MENDAPAT SEBARANG PULANGAN. AKAUN PELABURANINI TIDAK DILINDUNGI OLEH PERBADANAN INSURANS DEPOSIT MALAYSIA (“PIDM”).**

*Maklumat dalam helaian pendedahan ini sah bermula 29 Julai 2025*